

# Kebudayaan Islam

## Pepatah Melayu dan Falsafahnya

Isi syarahan saudara Abdullah Basmeh di Radio Malaya Singapura, yang telah disiarkan pada 27 Julai yang lalu, dalam halaman “Kebudayaan Melayu” \_P.Q.  
(oleh: Abdullah Basmeh)

Bangsa Melayu, seperti lain-lain bangsa dunia yang bertamadun, adalah kaya dengan bidal pepatah perumpamaan, kaya dengan tamsil ibarat dan kiasan, kaya dengan kata-kata sakti yang tinggi nilainya, yang kemas susunannya, yang indah bahasanya, yang menjadi gambaran falsafah hidupnya

Bidal pepatah dan tamsil ibarat itu telah diciptakan oleh orang Melayu dahulu kala, meliputi segala lapangan hidup, dari bentuk pemerintahan negara dan beradat lembaga, membawa kepada soal-soal siasah, iktisad, pendidikan, akhlak, pelajaran, nasihat, tuah malang dan masalah nasib.

Dalam zaman yang berkobar-kobar dengan cita-cita kemerdekaan ini, dalam zaman kedaulatan Melayu hendak dikembalikan semula seperti zamannya yang gilang gemilang dahulu, kedengaran sekali sekala, suara resah gelisah dari beberapa orang tentang setengah-setengah pepatah Melayu yang dikatakan mereka tidak sesuai dengan zaman kemajuan ini, kerana maksud dan tujuannya semata-mata membunuh himmah dan berserah kepada nasib sahaja.

Salah satu di antara bidal perumpamaan yang dikatakan sudah usang dan bertentangan dengan zaman kemajuan bahkan

bertentangan dengan ajaran Islam ialah pepatah yang berbunyi: “kalau secupak tiada boleh menjadi segantang”.

Kritik yang telah timbul tentang pepatah ini, patut dan kena pada tempatnya kalau kita hanya berpegang pada tafsiran yang diberikan oleh beberapa orang penyusun kitab pepatah-pepatah melayu. Mereka mentafsirkannya begini: “Jikalau seorang itu tiada nasib akan menjadi kaya, walau bagaimanapun ia berusaha tiada jua ia akan kaya”.

Jadi masalahnya di sini, kata pihak pengkritik itu, tempatnya bergantung kepada nasib sahaja, Sidang pembaca yang budiman.

Memang masalah “nasib” ini, sudah lama menjadi perbualan manusia dan menjadi tanda tanya, iaitu: Adakah dalam dunia ini suatu perkara yang bernama “nasib”, atau itu hanya suatu khurafat, hanya suatu dongeng sahaja?

Tentang ini saya ada terbaca suatu kisah tua (\*) berkenaan seorang Raja berbahas dan berhujah dengan menterinya.

Dalam perbahasannya, Raja itu menerangkan: bahawa dalam

---

\*riwayat Dr Ahmad Amin, Mesir

dunia ini tidak ada perkara “nasib”. Yang ada hanyalah sebab dan musababnya, hanyalah kerja dan hasilnya, hanyalah amal dan natijahnya, misalnya, seorang saudagar, apabila dia jaya dalam perniagaannya, maka kejayaannya itu adalah disebabkan dia tahu akan alam perniagaan. Kalau pula dia tidak jaya, maka itu adalah disebabkan malasnya, mubazzirnya, ataupun kejahilannya akan alam perniagaan. Demikian juga jayanya seorang peladang adalah disebabkan dia telah menanami tanahnya menurut peraturan alam bercucuk tanam, dan kecewanya peladang yang seorang lagi adalah disebabkan dia berlaku sebaliknya.

Penjelasan Raja ini tidak memuaskan hati menterinya, Dato` Menteri itu pun berdatang sembah: Tuanku, ada lagi satu masalah yang lebih rumit daripada yang tersebut tadi. Pernah kejadian dua orang pesawah telah mengerjakan tanah sawahnya dalam musim yang sama, dengan usaha dan tenaga yang sama, dengan benih dan baja yang sama, dan di dalam dua jalur sawah yang letaknya sebelah menyebelah. Dalam pada itu seorang sahaja yang berjaya mendapat padi dan yang seorang lagi sumbing padinya. Ini \_ Tuanku \_ tidak lain melainkan ialah “nasib”!

Tersenyum Raja mendengarnya lalu menjelaskan: Ini juga bukannya “nasib”! Tetapi mesti ada sebabnya. Harus benih salah seorang itu baik dan benih yang seorang lagi kurang baik, ataupun baja yang telah digunakan oleh orang yang sumbing padinya itu ada berhama, atau sekurang-kurangnya boleh juga disebut bahawa ada “undang-undang alam” yang belum lagi tersingkap rahsiannya, maka dengan sebabnya sawah orang yang pertama menghasilkan padi bernas dan sawah yang seorang lagi mengeluarkan padi sumbing. Jadi masalahnya bukanlah masalah nasib, tetapi masalah “undang-undang alam” yang setengahnya telah diketahui, dan setengahnya masih belum diketahui oleh manusia. Dalam pada itu, orang ramai menamakan undang-undang

alam yang belum diketahui itu dengan sebutan “nasib”.

Terdiam sejeurus Dato` Menteri mendengarnya lalu bertanya suatu masalah lagi:

Tuanku, bagaimana pula tentang dua orang yang telah turun mandi laut, malangnya yang pandai berenang: mati lemas, yang tak pandai berenang: naik ke darat dengan selamat?

“Ini pun mesti juga ada sebabnya” sahut Raja lalu memberi tafsiran, ujarnya: Harus orang yang mati lemas itu disebabkan jantungnya telah terhenti dengan mengejut, atau pun dia turun di laut dalam masa kenyang perutnya, atau dia memang sengaja hendak membunuh dirinya, atau ada lain sebabnya. Sidang pembaca yang dihormati.

Pendeknya Dato` Menteri itu tidak putus-putus menyoal, berhujah dan mendatangkan berbagai-bagai contoh kejadian tentang masalah “nasib” ini, dan Raja pula tidak putus-putus membantah dengan memberikan alasan-alasan yang difikirkan betul. Lama juga keduanya bersoal jawab, akhirnya Raja telah naik murka lalu mengugut menterinya, ujarnya: “Memanda! Jika memanda tidak membawa kepada Beta bukti yang menjadi kata pemutus tentang wujudnya perkara yang dikatakan “nasib” itu, nescaya Beta akan memecat memanda!”.

Rupa-rupanya Dato` Menteri itu mujur nasibnya. Apabila hari sudah malam, ia pun mengeluarkan perintah supaya menangkap dua orang yang mula-mula sekali melalui pada malam itu di sebatang jalan raya yang telah ditentukan. Kedua-dua orang yang dikehendaki itu telah ditangkap, lalu dibawa kepada Dato` Menteri, dan keduanya telah dikurung dalam sebuah bilik gelap. Keduanya ini mempunyai sifat yang berlainan. Yang seorang: cergas dan berani, yang seorang lagi: malas dan pengecut. Si pemalas telah duduk di salah satu ceruk bilik gelap itu sambil meratap akan nasibnya. Tetapi si cergas tidak berputus asa menghadapi kemalangan

yang telah menyimpannya itu lalu dia terus meraba-raba di dalam gelap kalau-kalau ada benda yang boleh dimakannya. Tiba-tiba tangannya teraba kepada satu sumpit yang berisi kacang putih, dia pun terus makan dan sekali sekala dia apabila tergigit batu, ia pun melemparkan rakannya yang sedang duduk menikus di ceruk. Sebentar-sebentar si cergas tergigit batu dan dia pun melemparkan rakannya itu kerana mengejek sambil berkata dalam hatinya: Malas, tak mahu berikhtiar, rasa engkau!

Pada keesokan harinya, sebaik-baik sahaja terang tanah, alangkah terperanjatnya si cergas, yang berani lagi pandai berikhtiar itu, dia hanya dapat makan kacang putih sahaja. Tetapi rakannya si pemalas, yang pengecut, yang hanya pandai meratap akan nasibnya, telah terkumpul di pangkuannya sekaup intan berlian. Ya Allah! Sekaup intan berlian; yang telah dilemparkan oleh rakannya malam tadi dengan sangkanya batu.

Kejadian ini menyebabkan Dato` Menteri tidak terhingga sukanya, lalu ia mengatur langkah pergi mengadap Raja dan menceritakan suatu kejadian yang menjadi sebesar-besar bukti atas wujudnya “nasib” dalam dunia ini.

Termenung Raja mendengarnya lalu bertitah: “Sekarang Beta percaya bahawa di dalam dunia ini, ada perkara yang dikatakan “nasib” sebanyak intan berlian yang ada dalam kacang putih itu”.

Sebenarnya “nasib” itu memang ada di dalam dunia ini, bukan sahaja sebanyak yang terdapat dalam kacang putih seperti yang dikisahkan di dalam cerita tadi tetapi lebih banyak daripada itu lagi.

Kenang sahaja kita manusia dijadikan Tuhan, masing-masing dengan nasibnya. Ada yang dizahirkan di istana, ada pula yang dizahirkan di pondok yang buruk. Ada yang cantik parasnya, ada yang hodoh. Ada yang cerdik cerdas, ada pula yang bodoh bebal.

Pernah kejadian, si Ahmad dan si Ali berjalan, tiba-tiba si Ahmad ditimpa buah kelapa, mengapa tidak kena si Ali? Padahal jaraknya hanya sehasta?

Pendeknya di dalam dunia ini, beribu-ribu kejadian berlaku pada tiap-tiap hari dengan tidak dapat diberi tafsiran yang memuaskan selain daripada mengatakan “sudah nasib”.

Fahaman Dato` Menteri tadi yang membuktikan wujudnya “nasib” itu dan wujudnya “undang-undang alam” yang tidak dapat ditafsirkan oleh “undang-undang sebab dan musabab” itu memang betul. Dan fahaman Raja, tentang alasannya bahawa kita tidak boleh berserah bulat-bulat kepada “nasib” kerana tiap-tiap perkara itu ada “sebab musababnya”, itu pun betul juga.

Kesimpulannya manusia itu mestinya menempuh dua lapangan atau dua tingkatan. Pertama lapangan kerja dan usaha ikhtiar, dan di dalam lapangan ini hendaklah kita berpegang kepada undang-undang sebab dan musabab. Dalam lapangan ini sangatlah salahnya jika kita berserah kepada nasib atau kepada takdir. Apabila kita telah berusaha dengan bersungguh-sungguh maka ketika itu kita telah meningkat dalam lapangan kedua, yang kuasanya tidak terletak dalam tangan kita tetapi di dalam tangan nasib atau takdir yang telah diatur oleh Tuhan ‘azza wa jalla dengan sempurnanya.

Dengan memahamkan huraian ini maka jelaslah maksud pepatah: “Kalau secupak tiada boleh menjadi segantang” Pepatah ini hendaklah ditafsirkan dengan pengertian yang tidak menyalahi ajaran Islam, dan tafsirannya telah dibuat oleh orang Melayu dahulu kala, yang betul-betul faham akan hakikat Islam dengan suatu pepatah juga yang berbunyi begini:

“Tidak hidup kerana doa, tidak mati kerana sumpah”.

Maksudnya, jangan berdiam diri dengan berserah kepada nasib sahaja, tetapi hendaklah kita gunakan akal, dan gerakan anggota pada tiap-tiap sesuatu yang dihajati.